

28/11/2000

Dewan Cina dicabar nyatakan sokongan

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin pertubuhan dan dewan perniagaan Cina hari ini dicabar menyatakan sokongan terbuka kepada kerajaan jika mereka benar-benar berterima kasih kepada bantuan yang dinikmati selama ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, ketika membuat cabaran itu berkata mereka adalah golongan yang tidak sedarkan diri jika enggan menyatakan sokongan berkenaan.

"Tiada sebab mereka tidak berani menyatakan sokongan kerana kerajaan sudah membuktikan dasar yang dilaksanakannya menyelamatkan perniagaan mereka daripada muflis.

"Keputusan menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) membolehkan ekonomi pulih dengan cepat dan berjaya mengelak syarikat, termasuk peniaga serta penanam sayur daripada menanggung kerugian," katanya.

Azmi berkata, tidak ada sebab mengapa pertubuhan dan dewan perniagaan Cina tidak berani tampil menyatakan sokongan kepada kerajaan, termasuk pelaksanaan Sekolah Wawasan.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas ekstrimis Cina kerana tidak berterima kasih kepada kerajaan yang membantu mereka, melalui program pemulihan ekonomi.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, beliau percaya ramai peniaga Cina akan muflis jika kerajaan tidak membantu mereka ketika kegawatan ekonomi sebelum pilihan raya umum 1999 lalu.

Azmi berkata, masyarakat Cina perlu menyatakan sokongan ketika bantuan mereka diperlukan, bukannya ketika hendak berniaga saja.

"Kerajaan mewujudkan Sekolah Wawasan untuk memperkukuh dan menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini dari peringkat sekolah.

"Kita mahu bermula pada peringkat rebung dan bukan apabila sudah menjadi buluh. Bagaimanapun, golongan tidak sedarkan diri seperti Pergerakan Pendidikan Cina (Dong Jio Zong) menentang usaha murni kerajaan," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula meminta ekstrimis Cina supaya berfikiran rasional terhadap apa yang disumbangkan oleh kerajaan menyebabkan mereka menikmati pelbagai kemudahan.

Katanya, sudah tiba masanya kumpulan itu menunjukkan sokongan kepada apa yang dinikmati hasil usaha kerajaan dengan memberi sokongan kepada parti pemerintah.

"Kita berharap Cina memahami bahawa masa depan mereka akan hanya terjamin di bawah pimpinan BN. Kedudukan mereka lebih selesa hari ini kerana dasar yang diamalkan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Pertahanan China, Jeneral Chi Haotian, di pejabat, di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata tidak ada sebab isu pendidikan dipolitikkan dalam kempen pilihan raya Lunas kerana kewujudan sekolah Cina dan lembaga pengurusannya termasuk penggunaan bahasa Mandarin termaktub dalam Akta Pendidikan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula berkata orang Cina yang menikmati pelbagai kemudahan hasil pelaksanaan dasar kerajaan, tidak harus terpengaruh dengan penentang pelaksanaan Sekolah Wawasan.

"Kita yakin majoriti masyarakat Cina faham mengenai cadangan pelaksanaan Sekolah Wawasan, tetapi ada pihak yang berpandangan sempit cuba mengambil kesempatan.

"Pihak terbabit cuba sedaya upaya memutar-belitkan isu itu untuk

mengelirukan pengundi di Lunas," katanya.

Muhammad berkata, masyarakat Cina khususnya pengundi di Lunas harus ingat bahawa dasar kerajaan membawa banyak faedah dan berjaya mengatasi masalah kegawatan ekonomi, berbanding negara jiran.

Sementara itu, Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad, berkata masyarakat Cina dan India tidak terpengaruh dengan kenyataan pemimpin pembangkang mengenai konsep Sekolah Wawasan.

Beliau berkata, Akta Pendidikan 1966 jelas menyatakan bahawa semua Sekolah Jenis Kebangsaan akan dilindungi.

Sehubungan itu, katanya, GPMS meminta pembangkang tidak bermain api dengan menggunakan isu Sekolah Wawasan untuk memancing undi pengundi.

(END)